

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 5 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 16**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1432-L09528  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
  - (a) apakah inisiatif Kerajaan dalam usaha mengurangkan kadar guna tenaga asing yang mendominasi sektor pembuatan dan pembinaan negara; dan
  - (b) sejauh manakah usaha Kerajaan berjaya mengurangkan kadar pengangguran warga tempatan yang kehilangan pekerjaan akibat COVID-19.
  
2. PR-1432-L10030  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Lumut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perkembangan terkini pembangunan industri kereta terbang dan adakah ianya masih diteruskan di bawah MEDAC.
  
3. PR-1432-L09709  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah rasionalnya diwujudkan Kementerian khusus yang bertanggungjawab ke atas alam sekitar dan air dan apakah objektif dan fokus utama Kementerian ini.
  
4. PR-1432-L09373  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kampung Baru Cina di seluruh negara dan apakah mekanisme kategori pengagihan peruntukan ini.

5. PR-1432-L08728  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sekiranya Kementerian bercadang untuk menetapkan kemudahan bank seperti BSN dan Bank Rakyat di Sg. Asap dan Belaga.
6. PR-1432-L08924  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan situasi pekerjaan belia ketika penularan wabak COVID-19. Apakah inisiatif Kerajaan bagi membantu belia yang terjejas akibat pandemik COVID-19 terutamanya isu pekerjaan.
7. PR-1432-L08802  
**Tuan Yamani Hafez bin Musa [ Sipitang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah dan usaha telah diambil untuk membaik pulih bangunan KEMAS daerah Sipitang yang berkeadaan amat daif pada masa ini.
8. PR-1432-L09422  
**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini dan jangkaan tarikh siap Lebuh Raya Pinggiran Pantai Barat yang sedang berjalan lancar untuk pakej di antara Teluk Intan dan Taiping.
9. PR-1432-L09564  
**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah tahap keberkesanan mekanisma Ops Benteng yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pemerdagangan manusia dan adakah terdapat tangkapan yang telah dibuat terhadap pegawai dan anggota penguatkuasa yang terlibat dengan aktiviti ini.
10. PR-1432-L09249  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan landskap terkini perniagaan dalam talian ketika situasi pandemik COVID-19 dan apakah langkah Kementerian bagi membantu peniaga beralih dari model perniagaan fizikal ke platform digital untuk meneruskan kelangsungan perniagaan mereka.

11. PR-1432-L08767  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian telah berpuas hati bahawa pihak majikan telah mematuhi sepenuhnya segala arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan sewaktu penularan wabak COVID-19 agar tiada pekerja diberhentikan atau diminta untuk bercuti tanpa gaji.
  
12. PR-1432-L09840  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak melaksanakan cadangan seperti yang disajikan dalam *Report of The Commission of Enquiry On Immigrants In Sabah* untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin dan anak-anak tanpa kewarganegaraan di Sabah tetapi sebaliknya merancang untuk mengeluarkan lebih banyak IMM13.
  
13. PR-1432-L09694  
**Datuk Mohamad bin Alamin [ Kimanis ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
  - (a) apakah perancangan Kerajaan bagi menaiktaraf dan menambahkan lagi fasiliti sukan di Parlimen Kimanis; dan
  - (b) apakah usaha-usaha untuk membangunkan 'e-sport' bagi generasi muda untuk negara.
  
14. PR-1432-L08942  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembeli-pembeli rumah terawal Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang telah mengalami kerugian kewangan akibat pelancaran Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 2019. Selanjutnya, adakah Kementerian berhasrat mempertimbangkan memberi pampasan kepada pembeli-pembeli rumah terawal PR1MA ini.
  
15. PR-1432-L09293  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terkini bilangan aduan golongan pekerja terhadap syarikat atau majikan mereka yang mengambil kesempatan dan gagal mematuhi garis panduan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu mengikut jenis kesalahan.

16. PR-1432-L08821  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penyelesaian atau pampasan kepada majikan yang telah membuat segala bayaran levi dan fi bagi program '*re-hiring*' melalui MYEG tetapi telah dibatalkan disebabkan hentian kontrak oleh Kerajaan dan adakah kes yang masih dalam proses ketika itu boleh diberi kelonggaran untuk menyambungkan pas lawatan kerja berkenaan.
17. PR-1432-L09332  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan untuk membantu lebih dari 500 orang bekas pekerja Lebuh Raya Borneo Utara (LBU) yang telah kehilangan pekerjaan selepas Kementerian mengambil alih Projek Pan Borneo di Sarawak pada 20hb Februari 2020.
18. PR-1432-L09191  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah sumbangan dan pemberi sumbangan kepada program dan aktiviti Dasar Komuniti Negara (DKN), senarai rakan-rakan strategik atau NGO yang menerima sumbangan tersebut serta jumlah dana yang telah diterima dan dibelanjakan oleh Penggerak Komuniti Negara.
19. PR-1432-L09142  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian ada melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap peniaga atas talian yang menjual barangan cetak rompak melalui platform jualan atas talian dan juga di media sosial.
20. PR-1432-L09348  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes-kes '*Macau scam*', '*love scam*', '*phone scam*', '*face mask scam*', dan '*online scam*' yang lain di Sibu sejak tahun 2010 hingga 2020 dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani kes-kes tersebut serta berapakah jumlah kes yang telah berjaya dibawa dan dijatuhkan hukuman di mahkamah.
21. PR-1432-L09807  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam membantu pekerja yang telah diberhentikan kerja ekoran kemerosotan perniagaan semenjak pandemik COVID-19.

22. PR-1432-L09158  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan strategi Kementerian untuk memastikan bahawa peningkatan penggunaan bahan-bahan plastik pakai buang akibat dari pandemik COVID-19 ini tidak akan memudaratkan alam sekitar.
23. PR-1432-L09654  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan kepada isu pemilikan kad pengenalan palsu dan jumlah yang telah dikesan dari operasi besar-besaran yang dijalankan dan apakah langkah-langkah keselamatan untuk masa akan datang.
24. PR-1432-L10029  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Lumut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan peranan agensi PROTEGE dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan khususnya kepada para graduan pasca COVID-19.
25. PR-1432-L08874  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mengurangkan bilangan pekerja asing memandangkan kadar pengangguran telah meningkat akibat pandemik COVID-19.
26. PR-1432-L09071  
**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan pencerahan berkenaan dengan isu mayat kanak-kanak yang ditinggalkan bersama bapanya di tepi jalan yang berlaku di Gua Musang. Menurut kenyataan Pengarah JAKOA pada tarikh 27 Disember 2019, 'siasatan terperinci kejadian lelaki itu yang dilaporkan ditinggalkan oleh pemandu kontraktor di simpang Pos Blau, dijangka selesai dalam tempoh dua minggu'. Apakah perkembangan terbaru berkenaan kes tersebut dan apakah hasil siasatan yang dikeluarkan oleh pihak JAKOA.
27. PR-1432-L09308  
**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) menjelaskan sektor-sektor ekonomi yang akan dimanfaatkan dengan menempatkan dan melatih calon-calon berhubung dengan inisiatif '*Place and Train*' yang diperkenalkan oleh KWPSM/HRDF. Apakah kriteria yang diambil kira dalam menentukan kelayakan sektor-sektor ekonomi berkenaan; dan

(b) jumlah peruntukan kos latihan untuk setiap sektor yang telah dikenal pasti. Apakah kaedah latihan yang akan dijalankan.

28. PR-1432-L09667

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mekanisme yang digunakan untuk mengelakkan majikan terus mengambil pekerja asing secara tidak sah pasca COVID-19 ini.

29. PR-1432-L09318

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengikut jangkauan Malaysian Employers Federation (MEF), kadar pengangguran di Malaysia akan meningkat secara mendadak pada akhir tahun 2020 dan angka '*retrenchment*' dijangka meningkat dua kali ganda. Apakah langkah-langkah pencegahan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan oleh majikan-majikan.

30. PR-1432-L09456

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan ke atas pemimpin UMNO yang menyebarkan berita palsu bahawa anak saya ditahan di Lapangan Antarabangsa Singapura dengan wang tunai RM2 juta dan saya sendiri terbang ke Singapura untuk menyelamatkan anak saya pada bulan Februari yang lalu.

31. PR-1432-L09726

**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah terkini warga asing yang berada di depoh tahanan sementara dan apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak Kementerian dalam urusan penghantaran pulang warga asing ini.

32. PR-1432-L09555

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terkini individu yang kehilangan pekerjaan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan statistik laporan pekerja terhadap majikan yang gagal mematuhi syarat penerima dana program Pengekalan Pekerja (ERP) serta apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

33. PR-1432-L08858  
**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca tangga pasport Malaysia paling berkuasa di dunia jatuh ke tangga 13 pada tahun 2020.
34. PR-1432-L09062  
**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kementerian bagi membantu dan membimbing usahawan muda yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan golongan muda yang ingin memulakan perniagaan ketika penularan wabak COVID-19.
35. PR-1432-L09085  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status terkini Projek Jalan Ulu Tomani Tenom, Sabah, adakah masih diteruskan. Jika ya, adakah masih diteruskan oleh kontraktor yang dipilih secara tender terbuka semasa Kerajaan PH. Jika tidak, mengapa.
36. PR-1432-L09239  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status progress, 'Milestone' dan 'Time frame' projek Lebu Raya Central Spine Road di Parlimen Raub.
37. PR-1432-L08984  
**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian dapat memastikan tiada kenaikan harga barangan keperluan asas berlaku di peringkat rantaian pengeluaran, pengilang, pemborong atau peruncit yang seterusnya membebankan pengguna terutamanya dalam situasi negara dan dunia berdepan dengan pandemik COVID-19.
38. PR-1432-L09001  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab Lebu Raya Pan Borneo dibina menurut piawaian JKR R3 berbanding piawaian JKR R5 seperti lebu raya di Semenanjung Malaysia dan sejauh manakah penularan wabak COVID-19 memberi kesan terhadap pembinaan Lebu Raya Pan Borneo.

39. PR-1432-L09134  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan sama ada anggota polis yang bertugas diwajibkan untuk memasang kamera video jenis '*bodycam*'.
40. PR-1432-L08845  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada tempat pelupusan sampah di Teluk Mengkudu, daerah Manjung, Perak telah menepati semua piawaian dan kalau tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk ia ditambah baik bagi mematuhi semua piawaian yang berkenaan.
41. PR-1432-L09820  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil Kerajaan untuk memastikan kebajikan anggota Polis Diraja Malaysia bukan sahaja terjamin malah bertambah baik.
42. PR-1432-L08964  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian memberi insentif kepada Kerajaan Negeri yang melaksanakan pengurusan sisa kepada tenaga, jika tidak mengapa. Adakah Kerajaan Pusat sedia membenarkan Kerajaan Negeri yang ingin terima pakai Akta 672 melantik kontraktor mereka masing-masing untuk mengoperasikan tapak pelupusan.
43. PR-1432-L10013  
**Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [ Temerloh ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan mengaktifkan kuasa *Force Majeure* untuk memberi 'Lanjutan Tempoh Kontrak' kepada projek-projek Kerajaan Persekutuan yang terhenti akibat PKP sepertimana baru-baru ini Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan pemberian 56 hari tempoh Lanjutan Kontrak kerana projek-projek telah terhenti akibat COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
44. PR-1432-L09349  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Projek Rumah Mesra Rakyat dibawah SPNB bagi tahun 2019 dan 2020 bagi Parlimen Sibuti.

45. PR-1432-L09618

**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah Pihak Berkuasa Tempatan/Kerajaan Persekutuan menguruskan sisa pepejal menggunakan kaedah yang lebih mesra alam dan '*Green Technology*' mengikut kesesuaian setiap negeri memandangkan sistem pelupusan sampah yang tidak teratur boleh memberikan impak yang besar kepada rakyat setempat.

46. PR-1432-L08776

**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memberi penjelasan terhadap tindakan Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu yang acap kali mengkritik agama lain terutamanya agama Hindu. Seseorang yang telah memeluk agama Islam yang suci sepenuh hati tidak akan menghina agama lain. Ini mencerminkan keperibadian beliau yang belum mendalami Islam sepenuhnya. Mengapakah Kerajaan masih teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas orang yang kurang siuman seperti ini.

47. PR-1432-L09917

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kematian dalam lokap, penjara serta ketika dalam tahanan imigresen dan SPRM mengikut pecahan kewarganegaraan, etnik, jantina, umur dan negeri yang terkini. Apakah langkah-langkah pencegahan yang akan dan sedang diambil untuk memastikan tiada lagi kematian dalam lokap, penjara dan tahanan imigresen dan SPRM serta apakah status pemasangan litar CCTV dalam lokap, lokap mahkamah dan pintu masuk imigresen dalam Belanjawan 2020 yang berjumlah RM73 juta serta status penggunaan kamera badan atau '*body camera*' untuk anggota penguat kuasa.

48. PR-1432-L08808

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membentangkan di Parlimen Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) untuk dipinda atau dimansuhkan memandangkan terdapat dua Kes Mahkamah Tinggi yang hakim-hakim membuat dua keputusan berbeza dalam soal kebenaran tertuduh untuk diikat jamin.

49. PR-1432-L09701

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah perceraian melalui perkahwinan bawah umur dan peratus mengikut negeri.

50. PR-1432-L09229

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status penyiasatan kes pembunuhan anggota bomba bernama Muhammad Adib Mohd Kassim dan kenapa tiada sebarang pertuduhan dibuat terhadap mana-mana suspek yang terlibat walaupun Kerajaan Perikatan Nasional telah mentadbir Kerajaan selama beberapa bulan ini.

51. PR-1432-L09704

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mempercepat proses pendakwaan terhadap pesalah kes Allahyarham Adib.

52. PR-1432-L09129

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk membantu remaja yang baru menamatkan pengajian dan mereka yang kehilangan pekerjaan akibat dari wabak COVID-19.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (4 Ogos, 2020)**

2. ( D.R. 1/2020 ) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**  
 Tambahan (2019) 2020 **Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

3. ( D.R 2/2020 ) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**  
(Penguntukan Semula Peruntukan **Yang Kedua**  
Perbelanjaan) 2020

[ Menteri Kewangan ]

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

4. ( DR.3/2020 ) Rang Undang-Undang Pengangkutan **Bacaan Kali Yang Kedua**  
Jalan (Pindaan) 2020  
**[ Menteri Pengangkutan ]**
5. ( D.R 37/2019 ) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019  
**[ Menteri Kesihatan ]**
6. ( D.R 42/2019 ) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019  
**[ Perdana Menteri ]**
7. ( D.R. 25/2019 ) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019  
**[ Perdana Menteri ]**

8. PR-1432-UL064  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

9. PR-1432-U(27)116  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

**[ Perdana Menteri ]**

10. PR-1432-U(27)114  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

11. PR-1432-U(27)115  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

12. PR-1432-U(27)119  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

**[ Menteri Kewangan ]**

13. PR-1432-U(27)120  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

14. PR-1432-U(27)121

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

15. PR-1432-U(27)122

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

16. PR-1432-U(27)123

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

**[ Perdana Menteri ]**

17. PR-1432-U(27)124

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

18. PR-1432-U(27)126

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

19. PR-1432-U(27)127

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

**[ Menteri Pertanian Dan Industri Makanan ]**

20. PR-1432-U(27)128

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

21. PR-1432-U(27)125

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

**[ Perdana Menteri ]**

22. PR-1432-U(27)117

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

23. PR-1432-U(27)118

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

24. PR-1432-U(27)129  
**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [ Langkawi ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."  
**[ Perdana Menteri ]**
25. PR-1432-U(27)132  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."  
**[ Perdana Menteri ]**
26. PR-1432-U(27)131  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :  
Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;  
Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;  
Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

**[ Perdana Menteri ]**

27. PR-1432-U(27)130

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

**[ Perdana Menteri ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 05.08.2020 (Rabu)	1. YB Tuan Teh Kok Lim (Taiping)	1. Penutupan Pusat Peranginan Bukit Larut, Taiping Atas Arahan JKR Untuk Penyelenggaraan Akibat Tanah Runtuh	1. YB Menteri Kerja Raya
2. 05.08.2020 (Rabu)	2. YB Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)	2. Isu Bekalan Air Di Pulau Pinang	2. YB Menteri Alam Sekitar Dan Air

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**